

PM berazam jadikan sektor tani lumayan

um- 6/10/2004: 2 perdana

Oleh MARZUKI YUSOFF dan HAMIMAH HAMID

KUALA LUMPUR 5 Okt. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berazam akan menjadikan sektor pertanian sebagai sektor pekerjaan yang menjanjikan pulangan lumayan dalam usaha merapatkan jurang pendapatan antara penduduk desa dan bandar.

Dalam mencapai sasaran itu, Perdana Menteri menggesa semua agensi berkaitan, petani, penternak dan nelayan melipatgandakan usaha bagi membuktikan bahawa pertanian bukannya sektor 'lembab' yang sebelum ini sering dikaitkan dengan kemiskinan.

Menurut beliau, kerajaan mahu pertanian menjadi sektor yang maju dan dinamik iaitu setiap peringkat yang diusahakan oleh para petani menunjukkan nilai tambah dan kemajuan berbanding dengan apa yang mereka usahakan dulu.

"Kerajaan memang bersungguh-sungguh untuk mengembangkan sektor pertanian kerana ia dapat mengurangkan jurang pendapatan antara penduduk bandar dan luar bandar.

"Ia juga mampu mengurangkan import dan meningkatkan eksport barangan makanan dan kerana itu kita melihat potensi sektor pertanian untuk menjadi penjana ekonomi dan sumber kekayaan penting," katanya.

Perdana Menteri berikata demikian ketika berucap merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan dan Pameran Pertanian, Holistikultur dan Agro Pelancongan Malaysia 2004 (MAHA 2004) di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Mines di Seri Kembangan di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu adalah Menteri Perta-



ABDULLAH Ahmad Badawi beramah mesra dengan sebahagian daripada para pemenang sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2004 di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Mines di Seri Kembangan, Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Muhyiddin Yassin. — Gambar ZAKI AMIRUDDIN

nian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Ketua Setiusaha Kementerian Pertanian, Datuk Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor dan duta-duta negara asing.

Lebih 550 buah gerai yang mempamerkan pelbagai produk, jentera dan perkhidmatan pertanian menyertai MAHA 2004 termasuk penyertaan dari negara asing termasuk Vietnam, Belanda, India, Australia, Thailand, United Kingdom dan New Zealand.

Abdullah dalam ucapannya turut mengingatkan peri pentingnya bidang pertanian dikembangkan sebagai penggerak kepada pembangunan industri lain termasuk perkilangan

dan Industri Kecil Sederhana (IKS).

Bagaimanapun, menurut beliau, usaha itu memerlukan penyertaan lebih besar daripada golongan beliau di negara ini dan usaha menarik mereka itu boleh dilakukan jika persepsi masyarakat terhadap sektor itu dapat diubah.

"Kita mesti ubah fikiran - jangan lihat golongan petani dan nelayan sebagai golongan tidak berilmu tetapi kita mesti melihat mereka sebagai kumpulan berdaya maju dan berilmu.

"Sebab itu, kita mahu melihat lebih banyak golongan beliau tampil untuk memajukan sektor pertanian dan saya percaya penglibatan ramai golo-

ngan beliau akan memartabatkan lagi sektor ini.

"InsyaAllah, kita akan buktikan bahawa kita akan mencapai kejayaan membanggakan dalam pertanian," tegas Perdana Menteri yang disambut oleh para hadirin yang sebahagian besarnya terdiri daripada petani, penternak dan nelayan dari seluruh negara.

Menurut Perdana Menteri, di negara-negara maju, kebanyakan pengusaha tani mereka menggunakan kaedah moden, dari peringkat ladang hinggalah ke peringkat pasaran.

Katanya, pengetahuan teknologi digunakan untuk memperkasakan kerja-kerja di ladang ma-

nakala pengetahuan teknologi maklumat membolehkan mereka menyusun operasi dan memasarkan barangan dengan lebih teratur.

"Inilah cita-cita dan matlamat kerajaan bagi sektor pertanian negara - sektor pertanian yang moden, sektor pertanian yang tinggi martabatnya dan dianggotai oleh banyak mereka yang lebih berilmu," katanya.

Dalam merealisasikan masyarakat tani yang berilmu, Perdana Menteri melihat MAHA 2004 sebagai salah satu landasan penting untuk mendedahkan mereka mengenai teknologi dan ilmu terkini bagi membantu meningkatkan hasil pertanian mereka.